



## KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

### KENYATAAN MEDIA MEDIA RELEASE

7 APRIL 2016

---

## SIDANG AKHBAR PENGANJURAN KARNIVAL USAHAWAN DESA (KUD) PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2016

---

**BINTULU** – YB Datuk Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri I, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah hari ini mempengerusikan Mesyuarat Persediaan Karnival Usahawan Desa (KUD) Peringkat Negeri Sarawak Bil. 3/2016 bertempat di Pejabat Residen Bintulu. Pada mesyuarat ini juga, satu sidang media diadakan bagi mempromosi dan menghebahkan penganjuran Karnival Usahawan Desa (KUD) Peringkat Negeri Sarawak 2016 oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

KUD Sarawak 2016 akan berlangsung selama tiga (3) hari bermula dari 15 hingga 17 April 2016 (Jumaat hingga Ahad) bertempat di Lapangan Terbang Lama Bintulu, Sarawak dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam. Ini merupakan penganjuran kali kedua di Sarawak setelah kali pertama diadakan di Kuching *Waterfront*, Kuching pada tahun 2014.

Majlis perasmian KUD Sarawak 2016 akan disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan Bin Haji Satem, Ketua Menteri Sarawak pada hari Jumaat 15 Mac 2016 jam 3.00 petang.

Program ini merupakan platform terbaik untuk memperkenalkan, mempromosi dan memartabatkan produk-produk keluaran usahawan luar bandar. Sebanyak **150 usahawan luar bandar** akan menyertai KUD Sarawak 2016 ini yang melibatkan **produk** atau **end product** berkaitan kesihatan, kosmetik dan kecantikan, aksesori dan hiasan serta pakaian, kraftangan, seni dan budaya, makanan dan minuman serta pertanian dan penternakan. Dengan kepelbagaian kategori usahawan ini, rakan niaga mempunyai pilihan kepada lebih daripada **500 produk dan juga perkhidmatan**.

Penganjuran kali ini mensasarkan jumlah pengunjung melebihi **10 ribu orang**. Para usahawan juga berpeluang menyertai sesi Eksplorasi Niaga di samping berjumpa dengan **key players** dalam bidang keusahawanan khususnya yang berkaitan dengan industri perusahaan kecil dan sederhana (PKS). **Lebih daripada 6 buah syarikat** akan terlibat bagi sesi **Match2Match** (sesi padanan perniagaan) dan sebanyak **4 slot** menarik bersama *speaker* jemputan yang terdiri daripada ikon perniagaan, *business celebrity* serta usahawan muda.

Sebanyak **20 agensi pempamer daripada Jabatan dan Agensi Kerajaan** di peringkat Persekutuan dan Negeri akan mengambil bahagian dan turut **bertindak sebagai one-stop centre** bagi memberi kemudahan kepada usahawan luar bandar untuk mendapatkan informasi terkini serta khidmat nasihat dalam bidang keusahawanan. Antaranya adalah SME Corporation, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak dan Design Development Center (DDEC).

Selain itu, penganjuran KUD kali ini akan dimeriahkan dengan **Program Pitch@RBC** di bawah kategori Idea Perniagaan yang memberi peluang kepada golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan. Program ini akan mengetengahkan konsep pembentangan idea perniagaan yang ringkas dengan melalui beberapa proses saringan. Dengan pendekatan baru ini, penglibatan usahawan belia secara langsung akan memberikan impak yang besar dari segi penyertaan dan promosi.

Secara tidak langsung, elemen-elemen ini menjadikan KUD Sarawak 2016 sebagai program yang menghimpunkan produk dan bisnes luar bandar, aktiviti perluasan rangkaian dan jaringan perniagaan serta "*industry meet up*" bagi usahawan-usahawan luar bandar.

Berdasarkan kepada rekod pencapaian Mini KUD Sarawak tahun 2014, seramai 93 usahawan telah mengambil bahagian dengan nilai transaksi berjumlah RM150 ribu ribu dan sebanyak 20 jaringan perniagaan diwujudkan. Pada penganjuran kali ini, dengan peningkatan penyertaan jumlah usahawan seramai **150 usahawan** diharapkan akan mampu mencapai **nilai jualan dan tempahan berjumlah RM1 juta dengan 100 jaringan perniagaan** diwujudkan.

Menariknya, bagi KUD Sarawak 2016 ini, KKLW turut mewujudkan *hashtag* **#KUDSarawak2016** dan **#lankeKUDSarawak2016** untuk tujuan promosi dan publisiti di media cetak, media elektronik dan media sosial terutamanya Facebook, Instagram dan Twitter.

---

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

**Tel: 03-8891 5940, Faks: 03-8888 2367**

**Emel: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)**